



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 28 JANUARI 2025 (SELASA)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• MBSJ RANGKUL TUJUH ANUGERAH MIPPEA 2024
2.	SELANGORKINI	• LARIAN SUBANG JAYA 25 FEBRUARI

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• LOKASI BAHARU HARI TANPA KENDERAAN • LARIAN SUBANG JAYA 25 FEBRUARI • SEDIA KUPON JUADAH PERAYAAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBPJ MBDK MBSA MBPJ MBSA MPKj	• MBPJ SITA EMPAT PREMIS NIAGA • PJ BANDAR MESRA WARGA EMAS • TUMPU AGENDA KELESTRAIAN BANDAR • DENDA PEMANDU BUANG SISA HARAM • PJ BANDAR MESRA WARGA EMAS • PERSATUAN PENDUDUK RAIH ANUGERAH HIJAU • SITA LORI, KOMPAUN KES SAMPAH

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• PERKETAT SISTEM PENTADBIRAN TANAH • KESTABILAN POLITIK MAJUKAN SEKTOR AI
2.	THE STAR	• SELANGOR MAY CONDUCT OWN PROBE INTO ILLEGAL LAND TRANSFERS • GET S'GOR READY FOR ASEAN
3.	SINAR HARIAN	• WANG PENCEN RM155,804 LESAP ANGKAR PHONE SCAM • SELANGOR AUDIT, SIASATAN DALAMAN SEMUA AGENSI • 3,609 POLIS DITUGASKAN SEMPENA Op SELAMAT • HAD LAJU DITURUNKAN KEPADA 80km/j • 22,252 NOTIS JPJ DALAM TEMPOH SEMINGGU
4.	HARIAN METRO	• JPJ KELUAR 22,252 NOTIS
5.	BERITA HARIAN	• SELANGOR LAKSANA AUDIT, SIASATAN DALAMAN SEMUA AGENSI NEGERI
6.	UTUSAN MALAYSIA	• JANGAN TAKUT UNTUK LAPIR RASUAH DI TEMPAT KERJA • HAD LAJU DITURUN 80km/j SEMPENA TAHUN BAHARU CINA
7.	NEW STRAITS TIMES	• WHAT'S UP, KLANG LAND OFFICE? • SELANGOR GOVT PROMISES AUDIT, PROBE
8.	THE SUN	• BIRD DROPPINGS POSE CHALLENGES IN URBAN AREAS

EDISI Follow > Selangor KL Follow

MBSJ rangkul tujuh anugerah MIPPEA 2024

SITI AISYAH MOHAMAD Follow

27 Januari 2025 05:25pm
Masa membaca: 2 minit



MBSJ rangkul tujuh anugerah MIPPEA 2024.

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berjaya merangkul tujuh anugerah dalam Malaysian Institute of Planners (MIP) Planning Excellence Awards (MIPPEA) 2024.

MBSJ dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya menerima dua anugerah emas bagi projek The Roundabout@Putra Heights dan Smart C-Box.

"MBSJ turut meraih dua anugerah perak bagi projek The Glades Development in Putra Heights bersama Sime Darby Properties serta Modul Pembangunan Komuniti Berdaya Pangsapuri dan Kampung Angkat MBSJ.



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (depan, tengah) hadir menyempurnakan majlis penyampaian anugerah MIPPEA 2024 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.

"Selain itu, dua lagi anugerah gangsa untuk projek Sistem Pemantauan Aras Air serta Sunway GEOLake Residences in Bandar Sunway by Subang Jaya City Council and Sunway Properties.

"Bukan itu sahaja, MBSJ turut mendapat pengiktirafan dengan menerima anugerah khas bagi projek I-Data dalam kategori Anugerah Bandar Pintar," katanya pada Isnin.

Mengulas lanjut, pihak berkuasa tempatan itu berkata, projek yang dilaksanakan itu merupakan usaha kolaboratif MBSJ dalam memperkasa dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam kesejahteraan komuniti serta kelestarian persekitaran.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 28 JANUARI 2025

EDISI Follow > Selangor KL Follow

MBSJ rangkul tujuh anugerah MIPPEA 2024

SITI AISYAH MOHAMAD Follow

27 Januari 2025 05:25pm
Masa membaca: 2 minit



MBSJ menerima anugerah emas bagi projek Smart C-Box.

Tambahnya, menerusi pengiktirafan berkenaan, pihaknya akan sentiasa memastikan kelestarian Subang Jaya berada pada tahap yang cemerlang selaras dengan Pelan Strategik MBSJ 2020 – 2025 di bawah Teras Pembangunan Mampan.

"Majlis ini telah dianjurkan oleh MIP bertujuan untuk mengiktiraf usaha yang telah dilakukan oleh pelbagai agensi terutamanya PBT dalam mendepani cabaran pembangunan bandar raya.

"Ia juga memberi penghormatan kepada inisiatif serta projek yang telah menunjukkan kecemerlangan dan inovasi dalam perancangan, reka bentuk serta pembangunan.



MBSJ menerima anugerah emas bagi projek The Roundabout@Putra Heights.

"Termasuk juga usaha membaiki pulih serta rejuvenasi yang telah membawa impak positif kepada seluruh komuniti dengan penglibatan pelbagai peringkat," ujarnya.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 28 JANUARI 2025

Larian Subang Jaya 25 Februari

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya menganjurkan Subang Jaya Half Marathon di perkarangan pusat beli-belah Subang Parade pada 25 Februari mulai jam 4 pagi.

Menurut Datuk Bandar, kategori pertandingan tersebut melibatkan larian separa maraton 21 kilometer (km), 10km dan 5km selain 5km cabaran kerusi roda untuk orang kurang upaya.

Dato' Amirul Azizan Abd Rahim berkata pelepasan kategori 21km jam 4 pagi dan peserta perlu menamatkannya dalam empat jam, 10km bermula 7 pagi (dua jam) dan 5km pada 7.15 pagi (satu jam).

"Peserta akan menerima kit penyertaan manakala hadiah bagi separa maraton 21km, 10km dan 5km cabaran kerusi roda disediakan bagi tempat pertama hingga kelima," katanya pada 22 Januari.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 28 JANUARI 2025

MBPJ sita empat premis niaga

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bersama Jabatan Imigresen menahan 52 warga asing dalam serbuan berasingan di 11 premis perniagaan sekitar Petaling Jaya pada 23 Januari.

Menurut MBPJ, operasi yang disertai Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon turut menyita empat premis atas kesalahan berniaga tanpa lesen dan menghalang laluan siar kaki awam.

"Objektif utama operasi adalah memastikan semua aktiviti perniagaan yang dijalankan mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan," katanya menerusi Facebook.

MBPJ memaklumkan pihaknya mempergiatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan serta tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 28 JANUARI 2025

PBT pertama Selangor sertai inisiatif WHO

PJ bandar mesra warga emas

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) muncul pihak berkuasa tempatan pertama negeri menyertai inisiatif Rangkaian Global untuk Bandar dan Komuniti Mesra Usia (GNAFCC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata penyertaan Petaling Jaya langkah proaktif dalam menuju ke status negeri menua dan memelihara

kesejahteraan warga emas.

"GNAFCC ditubuh WHO pada 2010 yang menyatukan komuniti dan organisasi seluruh dunia dengan visi menjadikan bandar mereka tempat yang ideal untuk penuaan.

"Ia juga untuk mengukuhkan status bandar raya Petaling Jaya yang terkehadapan merancang strategi memelihara kesejahteraan warga emas," katanya.

Beliau menerima sijil penyertaan GNAFCC dari wakil WHO Malaysia Dr Rabindra Abeyasinghe di ibu pejabat

MBPJ pada 24 Januari.

Mohd Zahri menambah penilaian asas dilakukan bagi meneliti demografi dan kadar pertumbuhan warga emas dari aspek kesihatan dan kesejahteraan.

Dr Rabindra memaklumkan pihaknya akan membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan warga emas di Petaling Jaya.

Selaku bandar keenam menyertai GNAFCC, beliau berkata, WHO sedia berkongsi kepakaran untuk mencapai visi bandar usia emas.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 28 JANUARI 2025

Lokasi baharu hari tanpa kenderaan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menganjurkan empat edisi program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) di lokasi baharu pada 8 Februari di Taman Tasik Serdang.

Menurut Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategiknya, program tersebut antara usaha bagi menjayakan hasrat Subang Jaya sebagai bandar raya rendah karbon.

"Taman Sri Serdang antara demografi populasi pelbagai kaum yang mempunyai kepadatan penduduk yang se-

derhana, dilengkapi infrastruktur jalan raya yang baik.

"Kawasan persekitaran kondusif sesuai dengan penganjuran Hari Tanpa Kenderaan MBSJ serta pernah diangkat sebagai Bandar Biomas pertama di Selangor," kata kenyataan pada 21 Januari.

Tiga lagi lokasi baharu HTKSJ ialah South City Plaza, Seri Kembangan pada 12 Mei diikuti pusat beli-belah Giant Bandar Kinrara, Kinrara (10 Ogos) dan ibu pejabat MBSJ (26 Oktober).

HTKSJ diperkenalkan pada 2022 dan di-

adakan setiap bulan di Jalan Kemajuan Subang, SS16. Bermula tahun lalu program tersebut diubah kepada empat kali setahun dan diteruskan lagi tahun ini.

Kali ini, MBSJ merancang lebih 20 acara yang dibahagi kepada lima segmen iaitu santai, pertandingan, demonstrasi, reruai dan komuniti berdaya untuk semua lapisan masyarakat.

Sempena penganjuran itu, MBSJ mengadakan Majlis Perasmian Medan Selera Tasik Sri Serdang.

SELANGOR KINI
28 JAN 2025

Tarikh:

Larian Subang Jaya 25 Februari ^{9/1 28/1} (mbsj)

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya menganjurkan Subang Jaya Half Marathon di perkarangan pusat beli-belah Subang Parade pada 25 Februari mulai jam 4 pagi.

Menurut Datuk Bandar, kategori pertandingan tersebut melibatkan larian separa maraton 21 kilometer (km), 10km dan 5km selain 5km cabaran kerusi roda untuk orang kurang upaya.

Dato' Amirul Azizan Abd Rahim berkata pelepasan kategori 21km jam 4 pagi dan peserta perlu menamatkannya dalam empat jam, 10km bermula 7 pagi (dua jam) dan 5km pada 7.15 pagi (satu jam).

"Peserta akan menerima kit penyertaan manakala hadiah bagi separa maraton 21km, 10km dan 5km cabaran kerusi roda disediakan bagi tempat pertama hingga kelima," katanya pada 22 Januari.

SELANGOR KINI

Tarikh: 28 JAN 2025

Sedia kupon juadah perayaan ^{di 28/1} (MBSJ)

SHAH ALAM - Pengunjung terawal sambutan Tahun Baru Cina Majlis Bandaraya Subang Jaya pada 15 Februari berpeluang menerima kupon makan RM10 untuk menikmati juadah di kendera saji.

Program di Jalan SK 6/1, Seri Kemangan jam 7.45 hingga 10.30 malam itu bakal disempurnakan Datuk Bandar Dato' Amirul Azizan Abd Rahim dan wakil rakyat Seri Kemangan Wong Siew Ki.

"MBSJ akan turut menyampaikan sumbangan serta pemberian angpau kepada warga emas dan komuniti B40 serta hadiah cabutan istimewa buat pengunjung yang bertuah.

"Tetamu akan dihiburkan dengan pelbagai persembahan dan tarian seni budaya serta persembahan tarian singa," menurut kenyataan Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik pada 22 Januari.

SELANGOR KINI

Tarikh: 28 JAN 2025

Tumpu agenda kelestarian bandar

SHAH ALAM - Genap setahun pengisytiharan, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) memberi tumpuan kepada agenda kelestarian bandar pada tahun ini sekali gus menjadi bandar lebih maju.

Datuk Bandar Dato' Abd Hamid Husain menjelaskan MBDK mahu mem-

buktikan pihaknya tidak mengejar pencapaian hasil ekonomi semata-mata sebaliknya menekankan aspek alam sekitar.

"MBDK menetapkan visi sebagai bandar raya diraja sejahtera, berdaya maju dan mampan serta memberi memberi tumpuan kepada agenda ke-

lestarian bandar.

"Kerjasama berpasukan menjadi kekuatan dalam mendepani isu perbandaran dan tuntutan kerja yang berpegang teguh pada integriti dan tanggungjawab," katanya dalam perhimpunan bulanan pada 24 Januari lalu.

SH 28/1
(MBDK)

SELANGOR KINI

28 JAN 2025

Tarikh:

Denda pemandu ^{su} buang sisa haram ^{28/1} (MBSA)

SHAH ALAM - Seorang pemandu lori di-
kompaun RM500 oleh Majlis Bandaraya
Shah Alam (MBSA) kerana membuang
sampah di kawasan larangan dekat Jalan
Setia Gemilang U13/47, Seksyen U13 di sini.

Ahli Majlis Zon 21 Siow Fun Yean berkata
tindakan susulan aduan orang ramai berke-
naan sebuah lori yang membuang perabot
terpakai termasuk sampah domestik di ka-
wasan parkir di situ.

"Pengadu ada beritahu saya dan siasa-
tan telah diambil terhadap pemandu lori
terbabit. Kita sudah beri kompaun kepada
pelaku tersebut," katanya pada 22 Januari.

Tindakan diambil bawah Undang-Un-
dang Kecil Pemungutan Pembuangan
dan Pelupusan Sampah Sarap MBSA 2007
Peruntukan 4. Penduduk setempat bergo-
tong-royong membersihkan kawasan itu
pada 20 Januari.

SELANGOR KINI

Tarikh: 28 JAN 2025



BAKAT...
Kanak-kanak membuat wau kapal dalam program Perkampungan Kebudayaan Selangor di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 25 Januari. Foto HARUN TAJUDIN

PBT pertama Selangor sertai inisiatif WHO

PJ bandar mesra warga emas

91 28/1
(mbpj)

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) muncul pihak berkuasa tempatan pertama negeri menyertai inisiatif Rangkaian Global untuk Bandar dan Komuniti Mesra Usia (GNAFCC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Datuk Bandarnya Mohamad Zahri Samingon berkata penyertaan Petaling Jaya langkah proaktif dalam menuju ke status negeri menua dan memelihara

kesejahteraan warga emas.

"GNAFCC ditubuh WHO pada 2010 yang menyatukan komuniti dan organisasi seluruh dunia dengan visi menjadikan bandar mereka tempat yang ideal untuk penuaan.

"Ia juga untuk mengukuhkan status bandar raya Petaling Jaya yang terkehadapan merancang strategi memelihara kesejahteraan warga emas," katanya.

Beliau menerima sijil penyertaan GNAFCC dari wakil WHO Malaysia Dr Rabindra Abeyasinghe di ibu pejabat

MBPJ pada 24 Januari.

Mohd Zahri menambah penilaian asas dilakukan bagi meneliti demografi dan kadar pertumbuhan warga emas dari aspek kesihatan dan kesejahteraan.

Dr Rabindra memaklumkan pihaknya akan membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan warga emas di Petaling Jaya.

Selaku bandar keenam menyertai GNAFCC, beliau berkata, WHO sedia berkongsi kepakaran untuk mencapai visi bandar usia emas.

SELANGOR KINI
28 JAN 2025

Tarikh:.....



LESTARI... Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Langat menimbang minyak terpakai dalam program kitar semula di Pasar Awam Banting pada 18 Januari. Foto Facebook Majlis Perbandaran Kuala Langat

Hargai inisiatif masyarakat setempat

Persatuan penduduk raih anugerah hijau

8M 241 (MBSA)

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Sebanyak 29 persatuan penduduk dan individu bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memenangi Anugerah Hijau Komuniti Zon Bersih Mini (Mini Zee Bee) 2024.

Menurut pemangku timbalan datuk bandar, anugerah itu bertujuan menghargai usaha semua masyarakat membudayakan kehidupan harmoni melalui persekitaran hijau, bersih dan sihat.

Madiyan Baweh berkata anugerah dalam lima kategori yang menawarkan hadiah keseluruhan RM66,000 menekankan kepentingan melestarikan

alam sekitar dan mengamalkan kaedah kehidupan lestari.

"Pertandingan ini berorientasi kebersihan, amalan terbaik, pintar, inovasi, kreativiti dan kejiranan sihat yang memenuhi matlamat pembangunan mampan.

"Ia juga berjaya mewujudkan konsep kejiranan hijau dan persekitaran baharu dalam kawasan kediaman masing-masing," katanya dalam majlis penghargaan pada 22 Januari.

Pengerusi Rukun Tetangga Al-Husna Seksyen 20 Raja Abd Aziz Raja Ahmad memberitahu kemenangan kategori juara antara juara memangkin semangat mereka untuk melestarikan kejiranan mereka.

Katanya, inisiatif melestarikan alam sekitar sejak 2007 merangkumi kitar semula, ternakan ikan air tawar, kebun sayur-sayuran dan buah-buahan yang menyumbang pendapatan kepada penduduk.

Pengerusi Persatuan Penduduk Seksyen 17 Timur dan Barat Mohd Asri Ismail pula menyifatkan kejayaan kategori terbuka menjadi pendorong meneruskan usaha membentuk kejiranan lestari.

"Kita wujudkan pusat kitar semula pandu lalu automatik, sistem penuaian air hujan, kebun komuniti selain membentuk pasukan bola dan bola piket yang melibatkan kira-kira 500 penduduk termasuk belia," katanya.

SELANGOR KINI

Tarikh: 28 JAN 2025

82 28/1 Perketat sistem pentadbiran tanah

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memperketat sistem pentadbiran tanah ekoran pendedahan polis berkaitan kegiatan segelintir penjawat awam memindah milik aset berkenaan secara tidak sah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu masalah berkaitan pengurusan tanah di negeri ini bakal diatasi berikutan peralihan kepada sistem e-Tanah yang lebih selamat.

Menyifatkan tangkapan beberapa individu itu sebagai "satu permulaan", beliau

menyatakan bahawa kerajaan negeri kerugian besar selama bertahun-tahun akibat eksploitasi sistem pengurusan tanah.

"Sebahagian tanah ini terlibat dalam perniagaan, dan isu perlu ditangani. Ini hanyalah permulaan dan kita mesti mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan," katanya pada 23 Januari.

Amirudin turut mendedahkan pihak tertentu mengambil kesempatan semasa peralihan kepada sistem e-Tanah apabila memanipulasi rekod untuk mema-

sukkan nama dan pemilikan yang tidak wujud.

"Dengan adanya sistem e-Tanah sekarang, kawalan kita jauh lebih ketat," katanya yang menggesa polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk menjalankan siasatan menyeluruh.

Sebelum ini, seramai 17 individu ditahan dalam tangkapan berasingan sejak September tahun lalu berikutan disyaki terbabit kartel pindah milik tanah.

SELANGOR KINI

28 JAN 2025

Tarikh:

Sita lori, kompaun kes sampah ^{8K 28/1} (MPKj)

SHAH ALAM - Sebanyak 158 kompaun dan 133 lori disita Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) atas kesalahan berkaitan sampah haram sepanjang tahun lalu, kata Yang Dipertuannya Nazli Md Taib.

Tindakan bawah Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap Majlis Perbandaran Kajang 2007 dibuat dalam operasi membanteras kegiatan itu di lokasi tumpuan.

"Pembuangan sampah haram salah satu aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan boleh menjejaskan kesihatan awam sekiranya tidak ditangani dengan secara serius dan berkesan.

"MPKj komited dalam membenteras kegiatan pembuangan sampah haram bagi memastikan masalah ini diselesaikan bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat," katanya dalam mesyuarat bulanan pada 24 Januari.

SELANGOR KINI

Tarikh: 28 JAN 2025

Kestabilan politik 84 majukan sektor AI 28/1

SHAH ALAM - Kestabilan politik dan dasar jelas ekonomi menggalakkan pemain utama industri kecerdasan buatan (AI) termasuk syarikat semikonduktor melabur ke Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu kerajaan menyediakan insentif mencukupi bagi menarik pelabur termasuk dari Amerika Syarikat, Eropah dan China, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan kerajaan mengambil pendekatan menyeluruh menyepadukan AI ke dalam rangka kerja nasional dengan mewujudkan undang-undang, pejabat nasional dan perlindungan data.

"Apa sahaja diperlukan untuk memastikan kami dilengkapi sepenuhnya dengan kaedah AI, mengubah sistem pendidikan, perkhidmatan kesihatan, teknologi blok rantai (blockchain),"katanya.

SELANGOR KINI

Tarikh: 28 JAN 2025

Selangor may conduct own probe into illegal land transfers

SHAH ALAM: The Selangor government is likely to carry out an internal probe and audit on all its agencies and departments to determine if there is involvement in illegal transfer of land titles through the new e-Tanah system.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said this is to comprehensively address the issue of illegal land transfer activities in the state.

"We accept the recommendation from the Bukit Aman Commercial Crime Investigation Department (CCID) and will consider the possibility of conducting an internal audit on all our agencies and departments to determine whether they are involved," he told reporters after delivering his New Year 2025 message here yesterday, Bernama reported.

Amirudin said this in response to Bukit Aman CCID director Comm Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf's comment last Sunday, recommending all government agencies, especially the Klang District and Land Office, to run an internal audit and investigation to ascertain if they are linked to the illegal land transfer cartel in the state.

Comm Ramli said if there was evidence or information linking



All together now: Amirudin (front, fourth from right) posing with members of the Selangor state executive council and staff in Shah Alam. — ART CHEN/The Star

to the case, the police are ready to carry out an investigation.

Meanwhile, Amirudin said the state government will further tighten the standard operating

procedure related to the e-Tanah system to detect any misconduct, especially over the illegal transfer of land titles.

He said in this regard, individu-

als accessing the system will now be required to enter their login details so that their activities can be recorded.

"From now on, e-Tanah system

users will be required to register their usernames and their logins will be recorded so we can track and identify who accessed the system, when, and so on," he added.

The police had uncovered an illegal land transfer operation involving "insiders" at the Klang office, leading to the arrest of 17 civil servants since September last year.

They were suspected of being involved in a cartel that facilitated the illegal transfer of 9.4ha of land worth RM7.1mil.

Selangor Land and Mines Office director Datuk Dr Yusri Zakariah had, on Jan 21, confirmed that seven staff members at the Klang office were among 17 individuals arrested in connection with the illegal land transfer activities in the state.

He said the internal investigation of the Selangor Land and Mines Office found it was believed to have occurred during the process of transitioning from the old system to the new e-Tanah system.

He also said that seven Klang office staff members involved had been transferred to other departments not related to land matters.

THE STAR

28 JAN 2025

Tarikh:.....

'Get S'gor ready for Asean'

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my



MB orders agencies to fix infrastructure, facilities

WITH Malaysia chairing Asean this year, Selangor civil servants and relevant agencies are told to ensure everything is in order to give visiting delegates a good impression of the state.

Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the Public Works Department, Drainage and Irrigation Department along with other state agencies and local councils must play their respective roles well.

He stressed that it would not augur well for Selangor if the Asean delegation found uneven roads, badly maintained signboards and unkempt landscape.

Amirudin said this in his New Year 2025 message to the state's civil servants at a gathering.

Asean is expected to have some 800 meetings in Malaysia to confer on matters covering various issues at multiple levels throughout the nation's tenure as Chair, he said.

"It is crucial for Selangor to be at top form in preparation to host Asean-related meetings, as the state will be the first stop for top regional leaders and their delegations when they enter the country," he added.

As the state housed the nation's main transportation hubs such as Kuala Lumpur International Airport, Sultan Abdul Aziz Shah Airport in Subang as well as Port Klang, Amirudin said Selangor was the first point of arrival for Asean leaders and their delegations.

"Those taking the land routes will also be passing through Selangor to get to Putrajaya," he pointed out.

Amirudin said the state facilities must also be in good form for Visit Selangor Year 2025 and for the 2026 Malaysia Games that Selangor would be hosting.

"The target to attract eight million tourists to the state can be easily achieved as Selangor is rich in cultural heritage and is able to provide good touristic experience for visitors."

On the state's economic per-

formance, Amirudin said it had been good despite the Covid-19 pandemic and floods.

"We handled them collectively and recorded a RM2.85bil revenue last year, the highest recorded income since 2020," he said.

Amirudin added that the highest revenue recorded by Selangor before last year was 2017 with an income of RM2.81bil.



Amirudin addressing Selangor civil servants during his 2025 New Year message.

THE STAR

28 JAN 2025

Tarikh:.....

811 28/1

Wang pencen RM155,804 lesap angkara *phone scam*

KUALA TERENGGANU - Wang simpanan pencen milik seorang pesara kerajaan yang berjumlah RM155,804 lesap selepas terpedaya dengan sindiket penipuan melalui panggilan telefon atau *phone scam* pada 16 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, wanita berusia 68 tahun itu dihubungi seorang individu yang menyamar sebagai pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang yang memaklumkan mangsa terlibat dalam

aktiviti pengubahan wang haram serta penyalahgunaan meter air.

"Mangsa telah diarahkan menyerahkan semua maklumat perbankan dan kad debit yang melibatkan tiga akaun bank bagi penyiataan kewangan.

"Mangsa juga diarahkan untuk meletakkan kad debit tersebut dalam plastik dan diletakkan di celah pokok di hadapan rumah.

"Setelah itu, mangsa telah menerima notifikasi daripada pihak bank yang menunjukkan pengurangan wang yang besar

melalui ketiga-tiga akaun bank serta akaun Tabung Haji miliknya," katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Mengulas lanjut, Azli memaklumkan mangsa yang mula sedar dirinya telah ditipu kemudian menghubungi pihak bank untuk menyekat akaun bank miliknya serta mendapatkan penyata bank.

"Mangsa mendapati terdapat lebih dari 55 kali transaksi wang ke dalam empat akaun bank yang dikenal pasti.

"Selain itu, pengeluaran wang melalui mesin juruwang automatik (ATM) bank

dibuat tanpa pengetahuan wanita tersebut melalui tiga akaun bank milik mangsa dan satu akaun Tabung Haji melibatkan keseluruhan kerugian berjumlah RM155,804," tambah beliau.

SINAR HARIAN

28 JAN 2025

Tarikh:

Selangor audit, siasatan dalam semua agensi

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan melaksanakan pengauditan dan siasatan dalaman terhadap semua agensi kerajaan di negeri ini bagi mengesan pihak yang terlibat dengan kegiatan pindah milik tanah secara tidak sah.

KARTEL PINDAH MILIK TANAH

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, langkah sama juga akan dibuat terhadap semua jabatan untuk mengatasi masalah tersebut dan mengelakkan ia berulang pada masa hadapan.

"Kita akan melaksanakan audit, sebab timbul perkara ini (pindah milik tanah secara tidak sah).

"Kita terima saranan JSJK (Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman) ini dan akan semak kemungkinan melaksanakan audit di jabatan lain supaya boleh kenal pasti ada berlaku atau tidak perkara tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan amanat Tahun Baharu 2025 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz di sini pada Isnin.

Sinar Harian pada 21 Januari lalu melaporkan, Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) mengesahkan tujuh kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang merupakan antara 17 penjawat awam ditahan berhubung kegiatan terbabit.

Datuk Dr Yusri Zakariah berkata, semua tujuh kakitangan terbabit sudah dipindahkan ke jabatan lain dan tidak melibatkan urusan berkaitan kerja tanah.

Susulan itu, Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, agensi kerajaan termasuk PDT Klang perlu mengendalikan audit serta siasatan dalaman untuk menentukan sekiranya pejabat sama di daerah lain turut terbabit kegiatan itu.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, pihaknya turut memperketat tatacara prosedur operasi standard (SOP) sistem pengurusan tanah dalam talian (e-Tanah) bagi memudahkan pengesanan kegiatan salah guna kuasa.

"Kita boleh kenal pasti siapa yang masuk dalam sistem dan bila masa (guna sistem). Kita wajibkan mereka daftar nama pengguna supaya kemasukan mereka dapat dikesan.

"Sistem ini ada risiko juga. Jadi kalau kita dapat urus dengan baik, kita akan dapat kesan," tambah beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh:28 JAN 2025.....

3,609 polis ditugaskan sempena Op Selamat

8A
28/1

KUALA LUMPUR - Seramai 3,609 anggota dan pegawai polis ditugaskan dalam Op Selamat Ke-23 sempena Tahun Baharu Cina di seluruh negara.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, ia melibatkan seramai 320 pegawai kanan polis dan 3,289 pegawai rendah.

"Kita mahu memastikan keselamatan dan ke-selesaian pengguna jalan raya terjamin dengan menguatkuasakan undang-undang agar dapat mengurangkan kadar kemalangan," katanya.

Mohd Yusri berkata, pihaknya telah mengenal pasti sebanyak 76 *blackspot* iaitu lokasi yang seringkali berlaku kemalangan di seluruh negara dan 407 *hotspot* iaitu lokasi kesesakan jalan raya.

Op Selamat menumpukan perhatian khusus kepada enam kesalahan trafik utama yang telah dikenal pasti menjadi penyumbang kepada kemalangan jalan raya sepanjang musim perayaan.

Enam kesalahan trafik yang menjadi fokus utama Polis Diraja Malaysia adalah memandu melebihi had laju, memandu di lorong kecemasan, memotong di garisan berkembar, memotong barisan 'Q', tidak mematuhi lampu isyarat dan menggunakan alat komunikasi semasa memandu.



MOHD YUSRI

SINAR HARIAN

Tarikh:2.8..JAN..2025..

Had laju diturunkan kepada 80km/j

Di semua jalan persekutuan bermula 28 Januari hingga 2 Februari

KUALA LUMPUR 28/1

Had laju di semua jalan persekutuan di seluruh negara akan diturunkan daripada 90 kilometer sejam (km/j) kepada 80km/j bermula 28 Januari hingga 2 Februari depan sempena perayaan Tahun Baharu Cina.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam kenyataan pada Isnin memaklumkan, penurunan sementara had laju selama enam hari sepanjang Op Bersepadu itu bertujuan meminimumkan risiko kemalangan jalan raya.

"Sepanjang tempoh itu, kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan yang tidak kritikal akan dihentikan sementara agar tidak mengganggu aliran trafik manakala kerja-kerja kecemasan yang perlu

disegerakan demi keselamatan pengguna akan dirancang sebaiknya.

"Sekiranya perlu, laluan alternatif akan disediakan agar tidak mengganggu perjalanan pengguna ke destinasi dituju," katanya.

Selain itu, bagi memastikan kelancaran lebuhraya, Nanta turut mengarahkan syarikat Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) menghentikan sementara kerja pelebaran lorong di jajaran Sedenak-Kulai bermula 23 Januari hingga 3 Februari 2025.

Dalam pada itu, Nanta menyarankan semua pengguna jalan raya untuk siap siaga sepenuhnya sebelum melakukan perjalanan termasuk menjaga kesihatan, berehat secukupnya sebelum dan semasa perjalanan agar tidak mengalami keletihan melampau serta mengantuk semasa memandu.

Beliau turut mengingatkan pengguna jalan raya untuk memastikan kad debit, Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) dan Touch n' Go mempunyai baki mencukupi untuk mengelakkan gangguan kesesakan kepada pengguna lain di plaza tol.

Pengguna jalan raya juga diingatkan untuk memeriksa kondisi kenderaan ter-



Had laju di semua jalan persekutuan di seluruh negara akan diturunkan daripada 90km/j kepada 80km/j bermula 28 Januari hingga 2 Februari depan sempena Tahun Baharu Cina.

masuk tayar supaya siap sedia untuk perjalanan jauh dan memandu kenderaan secara berhemah, sentiasa bersabar dan mengikut undang-undang jalan raya.

"Sejajar dengan semangat dan aspirasi Program MyJalan yang diterajui oleh KKR (Kementerian Kerja Raya), semua pengguna jalan raya bertanggungjawab memastikan keselamatan diri dan penumpang serta keselamatan dan penyelesaian pengguna yang lain.

"Anggaplah pengguna jalan raya lain sebagai ahli keluarga kita atau ahli keluarga besar Malaysia Madani. Semoga kita sentiasa meraikan kepelbagaian dan menanam dengan kukuh rasa saling menyayangi, rasa hormat serta terus memupuk nilai-nilai perpaduan dalam sanubari kita," katanya.

Nanta turut mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina kepada seluruh rakyat Malaysia. - *Bernama*

NANTA

SINAR HARIAN

Tarikh: ...28 JAN 2025.....

22,252 notis JPJ dalam tempoh seminggu

KUANTAN - Sebanyak 22,252 notis dikeluarkan atas pelbagai kesalahan terhadap kenderaan dan pemandu yang gagal mematuhi peraturan dalam tempoh seminggu Operasi Khas Tahun Baharu Cina 2025.

Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan, Datuk Aedy Fadly Ramli berkata, dalam tempoh itu, kesalahan melibatkan motosikal merekodkan kes tertinggi dengan 9,507 kes diikuti kenderaan barangan (6,363), kereta (4,888) dan lain-lain kenderaan persendirian (1,058).

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas 100,534 kenderaan yang dijalan-kan, pihaknya turut mengesan 302 kesalahan melibatkan kenderaan perkhidmatan awam, lain-lain kenderaan (93) dan kenderaan asing (41).

"Dalam tempoh seminggu ope-

rasi, sebanyak 223 kenderaan dikenakan tindakan sitaan.

"Melalui operasi itu, JPJ memfokuskan kepada sembilan kesalahan utama iaitu tiada lesen memandu kompeten (CDL), lebih muatan, tidak memakai topi keledar dan tali pinggang, tidak mematuhi isyarat lampu merah serta menggunakan telefon bimbit.

"Turut diberi perhatian, kesalahan memotong di garisan berkembar, memandu di lorong kecemasan, memotong barisan dan memandu kenderaan berat di lorong laju," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas lawatan kerja ke ibu pejabat JPJ Pahang, Indera Mahkota di sini pada Isnin.

Sementara itu, Aedy Fadly meng-

ingatkan semua pemilik dan pemandu kenderaan barangan supaya mematuhi Larangan Pemanduan Ke Atas Kenderaan Barangan yang dilaksanakan selama empat hari bermula Isnin dan Selasa ini (sebelum perayaan) serta selepas perayaan iaitu pada 1 dan 2 Februari depan.

"Pemandu dan pemilik kenderaan yang didapati gagal mematuhi peraturan di bawah Kaedah 2 (1), Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan) 2025 berdepan tindakan mengikut Seksyen 59 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Jika sabit kesalahan, boleh di kompaun RM300 atau denda di mahkamah tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih enam bulan," katanya.

SINAR HARIAN
28 JAN 2025

Tarikh:

OPERASI KHAS TAHUN BAHARU CINA 2025

JPJ keluar 22,252 notis



AEDY Fadly (kiri) meninjau orang ramai membuat urusan dengan menggunakan mesin kiosk JPJ sempena lawatan kerja ke JPJ Pahang, semalam.

Kuantan

Sebanyak 22,252 notis atas pelbagai kesalahan terhadap pemandu dan kenderaan yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan dalam tempoh seminggu Operasi Khas Tahun Baharu Cina 2025 di seluruh negara bermula 20 Januari lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia Datuk Aedy Fadly Ramli berkata, notis terbabit dikeluarkan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Kaedah-Kaedah di bawahnya.

Menurutnya, sebanyak 223 kenderaan daripada 100,534 kenderaan yang di-

periksa turut disita dalam tempoh itu.

"Berdasarkan operasi itu, JPJ mengesan 9,507 motosikal gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan, diikuti 6,363 kenderaan barangan, kereta (4,888) dan lain-lain kenderaan persendirian (1,058).

"Selain itu, 302 kenderaan perkhidmatan awam, lain-lain kenderaan (93) dan kenderaan asing (41).

"Menerusi operasi itu juga, JPJ memfokuskan sembilan kesalahan utama iaitu tiada lesen memandu kompeten (CDL), lebih muatan, tidak memakai topi keledar dan tali pinggang, tidak mematuhi isyarat lampu merah,

menggunakan telefon bimbit.

"Kesalahan lain memotong di garisan berkembar, memandu di lorong keemasan, memotong barisan dan memandu kenderaan berat di lorong laju," katanya selepas lawatan kerja ke Ibu Pejabat JPJ Pahang di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah JPJ Pahang Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya Syed Abdul Rahman.

Aedy Fadly juga berkata, pihaknya menguatkuasakan larangan pemanduan ke atas kenderaan barangan (RoadBan) selama empat hari.

Menurutnya, larangan itu adalah untuk semalam dan hari ini (sebelum pe-

rayaan) serta selepas perayaan iaitu pada 1 dan 2 Februari ini.

Menurutnya, pihaknya mengingatkan kepada semua pemilik dan pemandu kenderaan barangan supaya mematuhi larangan pemanduan.

"Sekiranya ada kenderaan gagal mematuhi Kaedah 2 (1), Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan) 2025, akan diambil tindakan mengikut Seksyen 59 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Kompaun RM300 atau denda di mahkamah tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan jika disabitkan kesalahan," katanya.

HARIAN METRO
28 JAN 2025
Tarikh:

Kes pindah milik tanah tak sah

Selangor laksana audit, siasatan dalaman semua agensi negeri

SOP pengurusan tanah dalam talian diperketat bagi mengesan kegiatan pindah milik secara tidak sah

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Selangor akan melaksanakan audit dan siasatan dalaman terhadap semua agensi negeri bagi mengesan kegiatan kartel pindah milik tanah secara tidak sah.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata ini sebagai menyahut saranan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yooosuf, untuk mengesan sekiranya kegiatan itu turut membabitkan jabatan lain selain Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang.

"Kita akan laksanakan (audit dan siasatan dalaman) sebab timbul perkara ini dan kita terima saranan (yang dikemukakan JSJK) itu.

"Kita akan semak. Kemungkinan untuk kita laksanakan audit di jabatan lain supaya kita boleh kenal pasti ada berlaku atau tidak perkara itu," katanya selepas Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 dan Pelancaran Penjenama-



Amirudin menyampaikan replika cek Insentif Penghargaan bernilai RM90,000 kepada wakil Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

an Kita Selangor di sini semalam.

Kelmarin, Ramli melalui kenyataan berkata, agensi kerajaan termasuk PDT Klang perlu mengendalikan audit serta siasatan dalaman untuk menentukan jika ada pejabat tanah di daerah lain turut terbabit kegiatan kartel pindah milik tanah secara tidak sah.

Beliau berkata, jika ada bukti atau maklumat mengaitkan PDT

lain dengan kes jenayah ini, polis bersedia untuk menjalankan siasatan.

Mungkin babit daerah lain

Kenyataan itu menyusul selepas Amirudin menyatakan pihaknya tidak menolak kemungkinan kegiatan kartel pindah milik tanah secara tidak sah di PDT Klang yang dibongkar pihak berkuasa sebelum ini, juga membabitkan daerah lain.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, kerajaan negeri akan memperketat prosedur operasi standard (SOP) membabitkan sistem pengurusan tanah dalam talian (e-tanah) bagi mengesan sebarang kegiatan pindah milik tanah secara tidak sah di Selangor.

"Kita cuba menangani hal ini dengan memperkukuh SOP di peringkat pengurusan tanah dan SOP ini akan membantu kita mengenali pasti siapa yang masuk

dalam sistem, bila masa dan sebagainya.

"(Maha-mana individu) diwajibkan untuk mendaftarkan nama pengguna dan kemasukan mereka itu supaya kita dapat mengesan perkara terbabit.

"Sebab pengurusan melalui dalaman talian ini juga ada risiko tertentu, tetapi kalau kita dapat urus dengan baik, kita dapat kesan (kegiatan dalam sistem e-tanah)," katanya.

BERITA HARIAN
28 JAN 2025
Tarikh.....



JAIS ABDUL KARIM

RASUAH adalah penyakit sosial yang merosakkan institusi, melemahkan kepercayaan masyarakat dan mencemarkan nama baik negara.

Di Malaysia, usaha membanteras rasuah giat dijalankan oleh agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pertubuhan bukan kerajaan seperti Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW). Walau bagaimanapun, melaporkan rasuah bukanlah satu tugas yang mudah. Pelbagai cabaran dihadapi oleh individu yang berani tampil ke hadapan untuk mendedahkan salah laku ini.

Artikel ini akan membincangkan cabaran utama melaporkan rasuah, khususnya kepada pemberi maklumat serta cadangan untuk memperkukuhkan sistem antirasuah di Malaysia.

Antara cabaran utama dalam melaporkan rasuah adalah:

KETAKUTAN TERHADAP REAKSI BALAS

- Individu yang melaporkan rasuah sering berdepan ancaman, termasuk kehilangan pekerjaan, pengasingan sosial atau tindakan balas daripada pihak yang terlibat. Pengalaman pekerja yang memilih untuk melaporkan rasuah menunjukkan mereka sering difitnah, dimanipulasi atau dikhianati rakan sekerja yang pada awalnya menyokong mereka. Ketakutan ini menyebabkan ramai memilih untuk berdiam diri.

KEKURANGAN KEYAKINAN TERHADAP SISTEM

- Ada juga individu yang melaporkan salah laku tetapi tidak mendapat maklum balas daripada pihak berkuasa. Rasa tidak pasti sama ada tindakan diambil atau tidak terhadap laporan mereka menyebabkan ramai hilang keyakinan kepada sistem keadilan. Mereka merasa seolah-olah usaha mereka sia-sia, sekali gus melemahkan motivasi untuk bertindak.

NORMALISASI RASUAH DALAM BUDAYA KERJA

- Pemberi maklumat sering berdepan tekanan psikologi akibat pengkhianatan, fitnah dan pengasingan



KEBERANIAN pemberi maklumat mampu mengatasi amalan rasuah di tempat kerja sekali gus menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Jangan takut untuk lapor rasuah di tempat kerja

seperti 'kalau kita tidak bagi, orang lain akan bagi' atau 'pandai-pandailah hidup' mencerminkan bagaimana budaya korupsi meresap ke dalam masyarakat. Mereka yang menentang rasuah dianggap sebagai ancaman dan sering disisihkan.

CABARAN EKONOMI DAN PERIBADI

- Melaporkan rasuah boleh membawa risiko besar kepada kehidupan ekonomi dan peribadi seseorang. Contohnya, individu yang melaporkan rasuah mungkin terpaksa mencari pekerjaan baharu dalam sektor yang juga berpotensi menghadapi masalah sama. Dalam persekitaran yang korup, mencari majikan yang benar-benar berintegriti menjadi cabaran besar.

Sebenarnya melaporkan rasuah juga mungkin boleh memberi kesan kepada pemberi maklumat, antaranya:

TEKANAN PSIKOLOGI DAN EMOSI

- Pemberi maklumat sering berdepan tekanan psikologi akibat pengkhianatan, fitnah dan pengasingan

sosial. Mereka mungkin merasa kesunyian apabila rakan sekerja atau pihak atasan tidak menyokong mereka.

KEHILANGAN SUMBER PENDAPATAN

- Meletak jawatan untuk menjauhkan diri daripada persekitaran korup sering menjadi pilihan terakhir tetapi ia datang dengan risiko kehilangan pendapatan. Hal ini memerlukan keberanian besar, terutamanya jika seseorang mempunyai tanggungan keluarga.

PERJUANGAN UNTUK MENDAPATKAN KEADILAN

- Walaupun laporan telah dibuat, banyak pemberi maklumat tidak tahu apa yang berlaku seterusnya. Ketidakpastian ini menimbulkan rasa kecewa, terutamanya apabila pihak berkuasa kelihatan lambat bertindak.

Justeru itu, beberapa cadangan untuk memperkukuhkan sistem antirasuah diharap dapat meneroka keberanian seseorang untuk melaporkan aktiviti salah laku. Diantaranya:

MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

- Undang-undang seperti Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (*Whistleblower Protection Act 2010*) perlu dikuatkuasakan dengan lebih tegas. SPRM dan agensi berkaitan mesti memastikan pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan balas.

MENINGKATKAN KEYAKINAN TERHADAP SISTEM

- SPRM dan badan penguatkuasa lain perlu bersikap lebih telus dalam proses siasatan dan memberikan maklum balas kepada pemberi maklumat. Ini dapat membina kepercayaan masyarakat terhadap sistem keadilan.

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

- Pendidikan antirasuah perlu diperkukuhkan di semua peringkat masyarakat, bermula dari sekolah hingga ke tempat kerja. Program seperti CODE 35 yang dianjurkan oleh MCW adalah contoh inisiatif penting untuk membina generasi yang

MCW percaya setiap laporan rasuah, walaupun kecil, adalah langkah penting ke arah mewujudkan Malaysia yang bersih dan bebas rasuah."

berintegriti.

PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA DAN NGO

- Sektor swasta dan NGO perlu memainkan peranan aktif dalam mewujudkan persekitaran kerja yang bersih dan berintegriti. MCW, sebagai contoh, boleh memperluaskan jaringan kerjasama dengan organisasi lain untuk mempromosikan budaya antirasuah.

NORMALISASI INTEGRITI

- Budaya integriti perlu dijadikan norma dalam masyarakat. Ini boleh dicapai melalui penguatkuasaan undang-undang, program pendidikan dan penghargaan kepada individu atau organisasi yang menunjukkan amalan terbaik dalam integriti.

Oleh itu, melaporkan rasuah adalah satu tindakan berani yang memerlukan kekuatan moral dan sokongan dari pelbagai pihak. Namun, cabaran seperti ketakutan terhadap reaksi balas, kekurangan keyakinan terhadap sistem dan normalisasi rasuah dalam budaya kerja menjadikan usaha ini sukar.

Untuk menangani cabaran ini, perlindungan kepada pemberi maklumat perlu diperkuatkan, pendidikan integriti diperkasa dan kepercayaan terhadap sistem keadilan dipulihkan.

MCW percaya setiap laporan rasuah, walaupun kecil, adalah langkah penting ke arah mewujudkan Malaysia yang bersih dan bebas rasuah.

Usaha ini bukan sahaja tentang menegakkan undang-undang, tetapi juga tentang membina masyarakat yang bermaruah dan berintegriti. Dengan sokongan semua pihak, kita mampu mengatasi cabaran ini dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati di peringkat antarabangsa.

PENULIS ialah Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW).

UTUSAN MALAYSIA
28 JAN 2025
Tarikh:

Had laju diturun 80km/j sempena Tahun Baharu Cina

Oleh AIMAN ALI
utusannews@medianulla.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Kerja Raya (KKR) akan terus melaksanakan Op Bersepadu selama enam hari bermula hari ini hingga 2 Februari sebagai langkah membantu kelancaran perjalanan pengguna jalan raya sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bagi meminimumkan risiko kemalangan jalan raya, KKR akan mewartakan penurunan had laju daripada 90 kilometer sejam (km/j) kepada 80km/j di semua Jalan Persekutuan sepanjang tempoh enam hari tersebut.

"Kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan jalan yang tidak kritikal akan dihentikan sementara agar tidak mengganggu aliran trafik sepanjang tempoh tersebut. Kerja-kerja kecemasan yang perlu disegerakan demi keselamatan pengguna akan dirancang dengan sebaiknya.

"Sekiranya perlu, laluan alternatif akan disediakan agar tidak mengganggu perjalanan pengguna ke destinasi yang dituju.

"Bagi memastikan kelancaran lebuhraya, pada 16 Januari lalu, saya telah mengeluarkan arahan kepada syarikat projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) untuk menghentikan sementara kerja pelebaran lorong di jajaran Sedenak-Kulai bermula 23 Januari hingga 3 Februari ini," katanya dalam kenyataannya.

Sebelum ini, Op Bersepadu dilaksanakan secara bersama



KEADAAN aliran trafik menghalau pantai timur yang lancar meskipun jumlah kenderaan semakin ketika tinjauan dirakamkan di Lebuhraya Karak di sini semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

melibatkan agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Alexander berkata, semua pengguna jalan raya bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan diri dan penumpang serta keselamatan dan

keselesaian pengguna yang lain.

"Anggap lah pengguna jalan raya lain sebagai ahli keluarga kita atau ahli keluarga besar Malaysia Madani," katanya.

Sebelum ini, kerajaan juga mengumumkan diskaun 50 peratus bagi kadar tol biasa sempena perayaan Tahun Baharu Cina 2025.

Alexander berkata, keputusan itu diambil selepas kabinet

sebulat suara meneruskan bantuan tol bagi musim perayaan seperti sebelumnya.

Katanya, pelaksanaan berlangsung selama dua hari bermula 27 Januari (Isnin) pada pukul 12.01 malam sehingga 28 Januari (Selasa), 11.59 malam.

"Keputusan memberikan diskaun adalah bagi kenderaan persendirian Kelas 1 di semua plaza tol kecuali plaza tol di sempadan negara," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
28 JAN 2025
Tarikh:

What's up, Klang land office?

Cartel made easy?

RECENTLY the police sent shock waves through property owners in Klang when they disclosed to *Berita Harian* that a cartel in the District and Land Office there was being investigated for seven cases of illegal land transfers involving more than 9.4 hectares valued at RM7.1 million. Seventeen people, including seven land office staff, were detained in the operation. On Sunday, the shock waves turned into a state-wide jitter when Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari revealed that illegal land transfers might not be limited to Klang. Talk about hearts skipping beats. Other property owners elsewhere in Malaysia mustn't feel too safe. All a cartel needs are greedy insiders. It surely seemed to have found them in Klang. As Amirudin suggested, illegal land transfers aren't a one-man job. It requires the collusion of colleagues in the land office: officers in charge of land lists, data entry staff and the information technology gamut.

That the cartel was able to recruit that many in the land office shows that fraud and forgery there can go undetected. District and Land Offices throughout the country must act before illegal land transfers become a perilous problem. Here is how. Begin with making those who commit fraud and forgery accountable. Truth be told, the civil service isn't

All a cartel needs are greedy insiders. It surely seemed to have found them in Klang.

known for doing this. It better be if it wants to curb fraud and forgery in land offices. Second, do an internal audit as the police are suggesting. As they say, you can't manage what you don't measure. The problem elsewhere might be as serious as in Klang.

Conveyancing lawyers tell us that illegal land transfers were a serious problem, at least from Dec

22, 2000, encouraged as the cartels were by the controversial ruling of the Federal Court in *Adorna Properties Sdn Bhd v Boonsom Boonyanit*. Why controversial? Because the apex court held that the person in whose name the title was registered was the rightful owner, even if the title was transferred by way of fraud and forgery! That was what happened to Boonyanit, the rightful owner. In that case, an impostor held herself to be Boonsom Boonyanit by way of a statutory declaration, claiming to have lost the original title to the land. Having obtained a certified copy of the title, the impostor then sold the property in Tanjung Bungah, Penang to Adorna Properties Sdn Bhd. The Federal Court, in its landmark ruling in *Tan Yin Hong v Tan Sian San* on Jan 22, 2010, departed from its own decision of Dec 22, 2000, affirming the right of the original owner under the National Land Code (NLC) if he can prove the title was acquired through fraud and forgery. Conveyancing lawyers were jubilant. But for Boonyanit this decision was nine years too late.

The injustice done to Boonyanit must be placed squarely on the NLC's Section 340 — the code's paramount provision — for affording two different readings by the greatest of legal minds at the apex of our judicial system. Or perhaps it is a weakness inherent in the nature of the Australian Torrens System on which our NLC is based. But in Australia victims like Boonyanit are compensated by a government-backed assurance fund. Was this lost in translation?

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 28 JAN 2025

SELANGOR GOVT PROMISES AUDIT, PROBE

CCID director's recommendations taken into account, says MB

RUWAIDA MD ZAIN
SHAH ALAM
news@nst.com.my

THE Selangor government will conduct an audit and internal investigation on all state government agencies to identify illegal land transfers in the state.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari yesterday said the government took into account the recommendations of the federal police Commercial Crime Investigation Department (CCID) director Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf on the issue.

"We will conduct the audit and internal investigation, and we accept the recommendations made by the CCID.

"We will review the possibility of conducting audits in other departments to determine whether such issues are occurring," he said during a press conference after officiating the 2025 New Year Address and the launch of the "Kita Selangor" rebranding.

In a statement on Sunday, Ramli said government agencies, including the Klang District and Land Office, must carry out internal audits and investigations to determine whether other offices were linked to the illegal land transfer cartel.

He said if there was evidence or intelligence linking other Land and District Offices to the criminal case, the police would pursue an investigation.

Amirudin said the state government would strengthen the standard operating procedures (SOP) involving the online land management system to detect any illegal land transfer activities in Selangor.

"We will strengthen the SOP at the land management stage, and



Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari (centre) at the launch of the 'Kita Selangor' rebranding in Shah Alam, yesterday. BERNAMA PIC

the SOP will help us identify who is in the system, the time they are in the system, and so on.

"All individuals will be required to register their username and login details so we can track the relevant activities.

"This is because managing things online carries certain

risks, but if we can manage it well, we will be able to detect all activities within the system."

Previously, it was reported that a cartel, comprising a group which included officials from the Klang Land and District Office, had illegally transferred 9.4ha of land valued at RM7.1 million.

Amirudin said on Sunday that illegal land transfers in Selangor might not be limited to Klang.

He added that while the incident currently appeared confined to the Klang District and Land Office, there was a possibility of similar cases at other land offices.

NEW STRAITS TIMES
28 JAN 2025
Tarikh:

Bird droppings pose challenges in urban areas

► Expert highlights corrosive damage to vehicles and infrastructure, health risks and high cleaning costs

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: While birds play a vital role in maintaining ecological balance, their droppings are increasingly causing significant problems, particularly in urban areas, according to Universiti Sains Malaysia School of Biological Science associate professor Dr Nik Fadzly N Rosely.

An ornithologist (expert on birds), Nik Fadzly highlighted the importance of birds in the environment as seed dispersers, pollinators and pest controllers.

"Their droppings enrich the soil by serving as a natural fertiliser rich in nutrients such as nitrogen and phosphorus.

"Additionally, certain bird species feed on insects, worms, and other invertebrates, helping to control pests," he said.

However, he noted that bird droppings contain uric acid, making them corrosive.

"This can damage materials such as paint, metal and stone, leading to infrastructural damage in cities as well as to objects like cars and monuments."

"In urban areas, species such as pigeons,

crows, barn swallows, Pacific swallows and Asian glossy starlings are often the culprits. Their droppings frequently deface public spaces, reducing aesthetic appeal and resulting in high cleaning costs," he said.

Nik Fadzly highlighted the example of a factory in the Kulim Hi-Tech Park, Kedah, which spent between RM15,000 and RM30,000 monthly last year to clean and remove bird droppings from its premises.

"Roosting birds such as crows and starlings often settle on roadside trees, adding to noise pollution and posing health risks," he added.

He stressed the importance of managing bird populations ethically and discouraging them from roosting in sensitive areas to minimise damage.

"The solution must be humane, ensuring birds are not harmed while addressing the issue effectively."

In urban environments, birds commonly roost in roadside trees and building structures, with pigeons known to settle on almost any available surface.

To deter them, Nik Fadzly suggested the use of nets, steel spikes, sticky gels, reflective tapes and other similar methods.

"If birds roost in trees, trimming and pruning can help reduce their safety, although cutting down trees is not ideal.

"Other options include using drones or ultrasonic speakers that emit predator calls, although these can cause noise pollution. Methyl anthranilate, a non-toxic bird repellent that irritates their sense of smell and taste, can also be an effective deterrent."

He pointed out that birds are intelligent and quickly adapt to deterrents, reducing their effectiveness over time.

"It is crucial to alternate deterrents periodically to prevent birds from becoming accustomed to them."

Nik Fadzly also highlighted the need for greater public awareness.

"Feeding pigeons, while seemingly kind, exacerbates the problem by encouraging their presence. This leads to unsanitary conditions and higher cleaning costs."

In March 2024, the Penang Island City Council announced plans to penalise individuals feeding birds in public spaces, in a move to address the rising pigeon population and the unsanitary conditions they cause.

"While feeders may consider their actions compassionate, they harm public cleanliness and health standards."

This also burdens local councils with additional expenses for cleaning public spaces, where acidic droppings corrode property and pose potential health hazards," he said.



THE SUN

Tarikh: 28 JAN 2025